

Jangan guna kuasa bina kekayaan peribadi — PM

11 20 DEC 003

PUTRAJAYA 19 Dis. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan kakitangan awam supaya menunaikan tanggungjawab dengan berkhidmat dengan tujuan untuk membangunkan negara dan bukannya bagi mencari peluang membina kekayaan peribadi.

Perdana Menteri menegaskan, kakitangan dan pegawai

kerajaan yang diberi kuasa bukan untuk kepentingan diri sendiri sebaliknya perlu menjalankan tugas dengan berkualiti dan tidak berkhidmat sambil lewa.

“Kita perlulah ingat bahawa tanggungjawab yang diberikan kepada kita adalah untuk membangunkan negara, bukan kuasa untuk kepentingan diri sendiri atau yang lebih buruk lagi,

kuasa untuk membuka jalan memuaskan keinginan membangunkan dana peribadi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) di sini hari ini.

Majlis makan malam itu juga diadakan bagi menghargai jasa

Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang turut hadir.

Hadir sama ialah Presiden PPTD, Datuk Seri Aseh Che Mat.

Abdullah berkata, sebagai kakitangan awam, mereka sepatutnya sentiasa mengamalkan

■ Lihat muka 4

Jangan guna kuasa bina kekayaan peribadi — PM

pendekatan selain mesra rakyat selain ikhlas mendengar, meneliti, menyelesaikan masalah, permohonan dan cadangan.

Kata beliau, tugas-tugas yang perlu dilaksanakan wajar ditangani dengan semangat kerja yang jitu dan bersungguh-sungguh ba-

gi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

“Kita mesti ada semangat kerja yang jitu (dan) jangan sekali-kali (bekerja) seperti melepaskan batuk di tangga dan sambil lewa ketika bertugas kepada pelanggan kita

yang merupakan pembayar cukai dan syarikat yang sama-sama menjana aktiviti ekonomi yang membolehkan Malaysia terus membangun,” tegas beliau lagi.

Dalam pada itu, Abdullah menghargai jasa dan bakti anggota perkhidmatan awam untuk memajukan negara.

Golongan itu kata beliau, telah berjaya melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan sehingga kredibiliti mereka diiktiraf dan menjadi contoh kepada negara membangun lain.

Sementara itu, Abdullah merakamkan penghargaan kepada Dr. Mahathir yang telah menyediakan asas yang kukuh membangun dan menjadikan Malaysia teguh serta kuat yang menyebabkan negara aman dan stabil.

“Jasa Tun (Dr. Mahathir) sebagai negarawan ulung berwawasan tinggi memang tidak terhingga.

“Saya mewakili rakyat Malaysia dan semua anggota PPTD ingin merakamkan ucapan terima kasih atas segala jasa, bakti, tunjuk ajar, bimbingan, cetusan pemikiran, pendapat dan pengorbanan yang dicurahkan serta tidak ternilai harganya.”

“Penghargaan yang sama juga ingin kami sampaikan kepada Tun Dr. Siti Hasmah ia-itu wanita yang turut berkorban besar untuk negara,” ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, berkat usaha Dr. Mahathir beliau kini mewarisi pembangunan negara yang kukuh dan menikmati perpaduan nasional dengan pembangunan ekonomi yang mantap, utuh dan jitu.